

# PM rasmi janakuasa TNB di Pakistan

UM 19 OCT 2002

Daripada AZIZ ISHAK

ISLAMABAD 18 Okt. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini merasmikan stesen janakuasa elektrik Liberty Power milik Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang dilihat sebagai simbol baru hubungan Malaysia - Pakistan.

Perasmiannya juga menjadi pemangkin kepada pelaburan lebih besar Malaysia di Pakistan pada masa depan dalam mengukuhkan hubungan dua hala di samping membaiki hubungan dagangan yang memihak kepada Malaysia.

Lebih penting lagi ia membuka dimensi baru kepada matlamat mewujudkan rangkaian tenaga untuk dimanfaatkan bersama oleh negara-negara Asia sebagaimana yang dihasratkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Majlis perasmian operasi itu dilakukan di Hotel Serena di sini. Kompleks janakuasa Liberty Power yang dilengkapi teknologi penjanaan tenaga berkembar iaitu dari sumber gas dan wap terletak di daerah Mirpur Mathelo, Sindh.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Menteri Kewangan Pakistan, Shaukat Aziz, Menteri Luar Malaysia, Datuk Seri

Syed Hamid Albar dan Pengerusi TNB, Datuk Dr. Jamaludin Jarjis.

Pada majlis itu Dr. Mahathir menekan butang menandakan perasmian loji berkenaan diikuti persembahan multimedia mengenai stesen berkenaan.

Dr. Jamaludin dalam ucapannya pada majlis itu menyatakan kesyukuran kerana akhirnya loji itu dapat beroperasi setelah menempuh beberapa cabaran sejak projek itu dimulakan pada tahun 1995.

“Kejayaan projek ini adalah hasil kerjasama kedua-dua negara. Ia juga menepati wawasan Dr. Mahathir bahawa Malaysia bukan sahaja mengeksport barangan bahkan juga perkhidmatan dan kepakaran,” katanya.

Stesen janakuasa milik Liberty Power Ltd, iaitu salah satu anak syarikat TNB memulakan operasinya mulai 24 Ogos 2001. Operasi fasa pertama daripada dua fasa mampu menjana arus elektrik sebanyak 235 Megawatt (MW) yang kini menjual tenaga kepada Perbadanan Pembangunan Tenaga dan Air Pakistan (WAPDA).

Projek Liberty Power mengambil masa tiga tahun untuk dimulakan ia menyebabkan peningkatan kos dan memaksa TNB membuat peruntukan sehingga RM600 juta.

Ketika serangan ketenteraan Amerika Syarikat terhadap Afghanistan, TNB terpaksa memanggil balik kakitangan dari Malaysia yang bekerja di loji RM1.6 bilion itu.

Loji berkenaan kini berjalan lancar setelah perjanjian pembelian kuasa (PPA) dengan pihak berkuasa Pakistan dimuktamadkan.

PPA yang dimeterai dengan kerajaan Pakistan di bawah Presiden Pervez Musharraf adalah lebih rendah dari segi kadar berbanding PPA yang dipersetujui dengan kerajaan sebelum ini.

Sementara itu, Dr. Mahathir turut menyaksikan majlis menandatangani perjanjian antara Felda dan Qasim Port Authority, Pakistan mengenai kerjasama penyimpanan minyak kelapa sawit.

Felda diwakili oleh Pengerusinya, Datuk Dr. Yusuf Noor. Satu lagi perjanjian yang turut disaksikan oleh Perdana Menteri ialah antara Jawala Corporation dari Malaysia dan sebuah syarikat rakan kongsi Pakistan mengenai perdagangan timbal balas.

Menurut Pengarah Urusan Jawala Corporation, Datuk Jemma Khan, perjanjian itu dilakukan atas semangat untuk meningkatkan hubungan perdagangan antara kedua-dua negara yang berpotensi besar untuk berkembang. — *Utusan*